

26 JUN 2000

Mahathir-Royalti

K'JAAN KAJI SAMA ADA PERLU DIBAYAR ROYALTI MINYAK KPD TERENGGANU

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengkaji apa hak Terengganu untuk mendapat royalti minyak.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga perlu meneliti sama ada benar royalti minyak itu menjadi sebahagian daripada perjanjian dengan Terengganu sebelum ini.

"Tidak ada hak bagi Terengganu mendapat royalti sementara Sabah dan Sarawak memang berhak daripada awal lagi," katanya pada sidang berita sekembalinya dari Mesir dan Itali di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, dekat sini.

Beliau berkata Terengganu seperti juga negeri-negeri lain di Semenanjung tidak ada hak terhadap royalti minyak.

"Sebab itu, kita perlu kaji sama ada kita perlu bayar atau tidak," katanya ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik sumber sebagai berkata kemungkinan Terengganu mendapat royalti minyak sebanyak RM810 juta.

Dr Mahathir berkata pada mulanya kerajaan bersetuju memberi royalti kepada Terengganu atas pertimbangan kedudukan negeri itu pada masa itu sebagai negeri termiskin sekali.

Beliau berkata kerajaan percaya bahawa jumlah royalti yang akan diperolehi Terengganu pula mungkin tidak lebih daripada RM50 juta.

Bagaimanapun, katanya, kerana pengurusan Petronas sekarang sangat baik, maka jumlah royalti sudah meningkat.

"Kita perlu meneliti penggunaan wang itu oleh Terengganu dan juga penggunaan wang oleh negeri-negeri lain kerana kita harus tahu bahawa wang itu tidak disalahgunakan.

"Kita juga nak kaji balik tentang peruntukan undang-undang berkenaan pembayaran royalti," katanya.

Menurutnya, penggunaan wang termasuk wang royalti minyak perlu diaudit.

Perdana Menteri berkata kerajaan kurang puas hati dengan penggunaan kewangan negeri-negeri dan kerana itu berpendapat ianya perlu diaudit dengan teliti segala perbelanjaan mereka.

Ketika ditanya sama ada royalti minyak sebanyak RM810 juta itu akan dibayar atau tidak, Dr Mahathir berkata kerajaan kena mengkajinya dahulu apa hak Terengganu untuk mendapatnya.

Kepada soalan jika pembayaran royalti tidak diteruskan, ia akan menimbulkan masalah, beliau berkata "undang-undang adalah undang-undang".

Dr Mahathir berkata: "Kita akan sediakan wang itu...kalau pun bukan secara royalti, kita boleh bagi secara peruntukan khas atau lain-lain."

-- BERNAMA

MNY/HS ES RHM